

PEMAHAMAN IMAM AL-BUKHARI TERHADAP HADITH NABI SAW DISIHIR: SATU ANALISIS

Khadher Ahmad¹
Sedek Ariffin²

Abstrak:

Isu Nabi SAW disihir oleh seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam dinyatakan dengan jelas melalui hadith yang diriwayatkan dalam karya-karya hadith mu'tabar seperti *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Imam al-Bukhari ketika meriwayatkan hadith ini, telah mengulanginya sebanyak tujuh kali dalam beberapa bab di dalam kitab sahihnya itu. Pengulangan hadith ini menampakkan pemahaman beliau terhadap hadith tersebut khususnya terhadap isu sihir yang berlaku ke atas Nabi SAW. Artikel ini bertujuan untuk meneliti pemahaman Imam al-Bukhari terhadap hadith Nabi SAW disihir dan isu yang dikemukakan oleh beliau terhadap hadith tersebut. Penelitian ini mengaplikasikan sepenuhnya metode analisis induktif di mana data-data yang bersifat khusus dianalisis untuk mendapat data-data yang lebih jelas dan terperinci. Analisis pemahaman Imam al-Bukhari terhadap hadith ini banyak tertumpu kepada tajuk-tajuk bab yang diletakkan pada hadith ini serta merujuk kepada pandangan yang dikemukakan para *muhaddith* ketika membincangkan isu ini. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat tujuh isu yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhari terhadap hadith tersebut, iaitu: mengukuh dan mengaitkan perbincangan aspek sihir dengan dalil-dalil daripada al-Quran; membuktikan bahawa Nabi SAW pernah terkena sihir dan menolak golongan yang menafikan bahawa sihir memberi kesan terhadap tubuh Nabi SAW; menjelaskan jenis sihir yang dihadapi Nabi SAW; menerangkan akhlak Nabi SAW dalam menghadapi musibah sihir itu dan tindakan baginda terhadap penyihir; menjelaskan peranan doa dan kepentingannya dalam menghadapi sesuatu musibah; mengaitkan sihir dengan pertolongan jin dalam proses menjayakannya; dan penjelasan berhubung dengan pendekatan dan kaedah dalam rawatan sihir yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Kata kunci: *Tarjamah al-Bab, Sahih al-Bukhari, Labid bin al-A'sam, Sihir, Rawatan Islam.*

1 Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. No. Tel (off): +60379676046; (hp): +60126652451; Emel: khadher82@um.edu.my.

2 Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. (Emel: sedek2001@hotmail.com)

PENGENALAN

Sahih al-Bukhari merupakan salah satu daripada karya hadith yang mengumpulkan hadith-hadith yang sahih sahaja. Imam al-Bukhari mengaplikasikan metodologi *al-jami*'³ dan syarat yang ketat dalam mengumpul, menapis, menyaring, meneliti dan menetapkan sesuatu hadith di dalam kitab sahihnya itu. Melalui pengumpulan hadith dalam suatu tajuk utama (*Kitab*) dan pada bab-bab tertentu, menjadikan karya ini bukan sahaja karya sumber hadith, tetapi mengandungi *fiqh* (pemahaman) Imam al-Bukhari terhadap sesuatu hadith diletakkan dalam nama kitab dan bab tersebut. Bahkan, beliau turut mengulangi hadith tersebut dalam kitab dan bab yang berlainan. Ini menunjukkan bahawa karya *Sahih al-Bukhari* bukan sekadar karya yang penting sebagai sumber hadith, malahan penting dalam memahami sesuatu hadith (*fiqh al-hadith*).

Di dalam *Kitab al-Tibb* (Perubatan), terdapat beberapa bab di mana Imam al-Bukhari menyebutkan dan mengulangi hadith yang menceritakan Nabi SAW telah disihir oleh seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam. Dalam hadith tersebut, Nabi SAW turut menjelaskan pendekatan baginda merawat sihir tersebut. Kemudian, hadith tersebut turut diulang dalam beberapa tajuk utama (*kitab*) yang lain. Dalam isu Nabi SAW disihir ini, sebahagian ulama menolak kejadian sihir boleh berlaku kepada Nabi SAW, di atas kapasiti baginda seorang yang maksum dan terpelihara daripada kejahatan manusia berdasarkan kefahaman terhadap ayat 67 surah al-Ma'idah. Walaupun begitu, Imam al-Bukhari tetap memasukkan hadith ini dan mengulanginya beberapa kali pada beberapa tajuk utama dan bab. Apakah signifikannya Imam al-Bukhari memetik hadith ini dan mengulanginya?

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti pemahaman (*fiqh*) Imam al-Bukhari terhadap hadith yang menyebutkan tentang peristiwa baginda disihir oleh Labid bin al-A'sam. Penelitian dilakukan terhadap terjemahan bab (*Tarjamah al-Bab*) bagi hadith tersebut serta menilai signifikannya dengan isu sihir. Bagi memahami isu ini dengan

3 Metodologi *al-Jami'* adalah merujuk kepada kata *al-Jami'* dalam ilmu hadith yang membawa maksud bahawa karya tersebut menghimpunkan hadith dalam pelbagai bidang keilmuan seperti aqidah, hukum, tafsir, sejarah dan sebagainya. Dalam kitab *al-Jami' al-Sahih*, Imam al-Bukhari telah memasukkan semua hadith sahih yang berkaitan dengan *al-Ahkam*, *al-Fada'il*, *al-Akhbar* masa lalu dan masa yang akan datang dan sebagainya. Rujuk Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1989, *Usul al-Hadith 'Ulumuh wa Mushtalahuh*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 313.

jas, penulis merujuk kepada beberapa karya syarah seperti *Fath al-Bari* oleh Ibn Hajar, *Fath al-Bari* oleh Ibn Rajab, *Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Battal, *Umdah al-Qari* oleh al-‘Aini dan lain-lain.

Tarajim al-Abwab Dalam Sahih al-Bukhari

Penelitian terhadap *Tarajim al-Abwab* dalam *Sahih al-Bukhari* adalah amat penting dalam memahami sesuatu hadith. *Tarajim al-Abwab* adalah merujuk kepada istilah *mufradnya* (tunggal) “*tarjamah*” dan “*al-bab*”. Dari sudut bahasa *Tarjamah al-Bab* bermaksud alih bahasa, jurucakap, simbol dan riwayat hidup. Dari sudut istilah, ia merujuk kepada simbol atau tajuk-tajuk kepada setiap hadith atau kumpulan hadith yang menyentuh masalah-masalah tertentu sama ada *fiqh*, tafsir, sirah dan lain-lain.⁴ Manakala istilah “*al-bab*” pula merujuk kepada satu hadith atau kumpulan hadith yang terkandung di dalamnya. Keseluruhannya bermaksud bahawa *tarjamah al-bab* adalah penamaan bab bagi sesuatu tajuk yang telah dipilih dan ditulis oleh Imam al-Bukhari terhadap sesuatu hadith atau kumpulan hadith yang telah disusun dan diasingkan setiap satunya berdasarkan aspek-aspek yang disentuh oleh hadith tersebut. Ini bermakna, sesuatu hadith itu kadang kala akan diulang beberapa kali yang diletakkan dalam *tarjamah al-bab* yang berbeza. Demikian juga, pada sebahagian bab, Imam al-Bukhari akan meletakkan beberapa kumpulan hadith yang berkaitan dengan bab atau difahami berdasarkan kepada penamaan bab tersebut.

Penelitian terhadap *tarjamah al-bab* sesuatu hadith adalah sangat penting dalam memahami *fiqh* hadith tersebut. Bahkan, penelitian yang dilakukan oleh para ulama terhadap *tarjamah al-bab* telah menyaksikan kepintaran Imam al-Bukhari yang mendahului zamannya, kefahaman yang lurus terhadap al-Quran dan hadith, penguasaan beliau terhadap *athar*, fatwa dan pendapat-pendapat para sahabat, tabi‘in dan para imam, pemikiran *fiqh* beliau yang luas dan kekuatan istinbat hukum yang dimiliki oleh beliau. Para ulama menyatakan bahawa “*fiqh al-Bukhari adalah pada tarjamah (bab)nya*”.⁵

4 Muhammad bin Isma‘il al-Amir al-San‘ani (1945), *Tawdih al-Afkar li Ma‘ani Tanqih al-Anzar*, tahqiq oleh Muhammad Mahy al-Din ‘Abd al-Hamid, c.1, Maktabah al-Khaniji, j.1, h.40.

5 Abu Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2001M/1421H), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad Isma‘il al-Bukhari*, ditahkikkan oleh ‘Abd al-Qadir Saybah al-Hamad, al-Riyad: Sahib al-Sammiw al-Maliki al-Amir Sultan bin ‘Abd al-‘Aziz Ali Sa‘ud, j.1, h.16.

Menurut Mohd Asmawi Muhammad dalam disertasi beliau, sesetengah pihak salah dalam mentafsirkan ungkapan “*fiqh al-Bukhari fi tarajimihī*” dengan menyangka bahawa al-Bukhari hanya mengkhususkan di dalam tarajimnya itu masalah berkaitan dengan *fiqh* sahaja. Istilah *fiqh* pada ungkapan tersebut membawa maksud yang lebih luas bukan dari sudut istilah tetapi merujuk kepada kedalaman dan ketelitian di dalam ilmu. Oleh sebab itu, akan didapati di dalam *tarajim* tersebut menyentuh persoalan *fiqhiyyah*, kadang-kadang menunjukkan persoalan akidah dan *kalamiyyah* dan sebagainya lagi.⁶

Dari itu, difahami bahawa terdapat kepentingan dan keperluan yang jelas untuk melakukan penelitian terhadap *Tarajim al-Abwab* yang diletakkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya itu. Penelitian tersebut akan membawa kepada pemahaman yang jitu terhadap sesuatu hadith yang dinyatakan di dalam sesuatu bab itu.

Hadith Yang Menjelaskan Nabi SAW Disihir oleh Labid bin al-A'sam

Berhubung dengan hadith yang menyebutkan Nabi SAW disihir, Imam al-Bukhari telah menyebutkannya dalam *Sahih al-Bukhari*, dengan matan yang panjang dan beberapa pengulangan matan yang sedikit berbeza sekalipun maknanya adalah hampir sama. Dinyatakan di sini salah satu mata penuh yang disebutkan oleh Imam al-Bukhari diikuti dengan penjelasan berhubung dengan pengulangannya. Diriwayatkan daripada ‘Aishah RA, telah berkata:

سَحَرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِنْ بَنِي زُرَيْقٍ يُقَالُ لَهُ لَبِيدٌ بْنُ الْأَعْصَمِ حَتَّى كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ كَانَ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ عِنْدِي لَكَيْتُهُ دَعَا وَدَعَا ثُمَّ قَالَ: يَا عَائِشَةُ أَشَعَرْتِ أَنَّ اللَّهَ أَفْتَانِي فِيمَا اسْتَفْتَيْتُهُ فِيهِ. أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَ أَحَدُهُمَا عِنْدَ رَأْسِي وَالْآخَرُ عِنْدَ رِجْلِي. فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِصَاحِبِهِ: مَا وَجَعَ الرَّجُلِ؟ فَقَالَ: مَطْبُوبٌ. قَالَ: مَنْ طَبَّهُ؟ قَالَ: لَبِيدُ بْنُ الْأَعْصَمِ. قَالَ: فِي أَيِّ شَيْءٍ؟ قَالَ: فِي مُشْطٍ وَمُشَاطَةٍ وَجَفَّ طَلْعَ نَخْلَةٍ ذَكَرَ. قَالَ: وَأَيْنَ هُوَ؟ قَالَ: فِي بَيْتِ ذُرْوَانَ. فَأَتَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَاسٍ مِنْ أَصْحَابِهِ فَجَاءَ فَقَالَ: يَا

6 Mohd Asmawi bin Muhamad (2010), “*Tarajim al-Abwab* di Dalam *Sahih al-Bukhari*: Kajian Terhadap Manuskrip *Sharh Tarjamah al-Bab* oleh Mawlana Tok Khurasan”, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.46.

عَائِشَةُ كَانَتْ مَاءَهَا تُفَاعَةُ الْحِجَاءِ أَوْ كَأَنَّ رُءُوسَ نَخْلِهَا رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ. قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَلَا اسْتَخْرَجْتَهُ؟ قَالَ: قَدْ عَافَانِي اللَّهُ فَكَرِهْتُ أَنْ أُتَوَّرَ عَلَى النَّاسِ فِيهِ شَرًّا. فَأَمَرَ بِهَا فُدْفِنْتُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah disihir oleh seorang lelaki dari Bani Zuraiq yang bernama Labid bin al-A’sam sehingga baginda berasa khayal melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya. Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa. Kemudian Nabi SAW: “Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaku, dan seorang lagi berhampiran kakiku”. Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?”. Lalu dijawab: “Terkena sihir”. Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab: “Labid bin al-A’sam. Berkata lagi: “Dengan (bahan) apa (disihir)?”, lalu dijawab: “Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda”. (Lelaki itu) bertanya lagi: “Di mana letaknya benda itu”. Lalu dijawab: “Di dalam telaga Dharwan”. Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat baginda. (Setelah kembali) Nabi SAW berkata: “Wahai ‘Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna merah-kemerahan seperti inai. Rupa pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan”. Aku (‘Aishah) bertanya: “Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?”. Baginda menjawab: “Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain”. Lalu baginda menyuruh agar ditimbus bahan-bahan sihir dalam telaga itu”. 7

Berdasarkan penelitian terhadap matan hadith, terdapat beberapa perbezaan yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhari bagi hadith ini. Pada tajuk bab (بَابُ هَلْ يَسْتَخْرِجُ السَّحْرُ؟), iaitu hadith 5765,8 beliau meriwayatkan hadith ini dengan lafaz matan (سُجِرَ حَتَّى كَانَ يَرَى أَنَّهُ يَأْتِي النَّسَاءَ) (وَلَا يَأْتِيَهُنَّ. قَالَ سَفِيَانٌ وَهَذَا أَشَدُّ مَا يَكُونُ مِنَ السَّحْرِ إِذَا كَانَ كَذَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ) yang sama iaitu

7 Hadith riwayat al-Bukhari: [Kitab al-Tibb, (بَابُ السَّحْرِ...), no.hadith 5763], [Kitab al-Tibb, (بَابُ هَلْ يَسْتَخْرِجُ السَّحْرُ؟), no.hadith 5765] dan [Kitab al-Tibb, (بَابُ السَّحْرِ), no.hadith 5766]. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari al-Ja‘fi selepas ini al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, c.3, h.492

8 Segala nombor hadith adalah merujuk kepada nombor hadith yang dicatatkan dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, yang diterbitkan oleh Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, al-Riyad.

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْيِلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ كَانَ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا فَعَلَهُ حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ عِنْدِي (لَكِنَّهُ دَعَا وَدَعَا), tetapi terdapat perbezaan pada bab. Bagi hadith 5663, walaupun al-Bukhari meletakkan tajuk bab yang sama iaitu (باب السِّحْرِ), tetapi pada bab hadith 5663, beliau menjelaskan tentang sihir dengan merujuk kepada penjelasan daripada al-Quran. Pada tajuk bab tersebut disertakan ayat-ayat al-Quran yang menyebutkan tentang sihir, iaitu dari ayat 102 surah al-Baqarah, ayat 66 dan 69 surah Taha, ayat 3 surah al-Anbiya', ayat 4 surah al-Falaq dan ayat 89 surah al-Mu'minun.⁹

Manakala pada hadith 6063 pada tajuk bab (بَابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (إِنَّ اللَّهَ) بَابُ تَكْرِيرٍ (يَا مُرُّ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى (الدُّعَاءِ), juga menggunakan lafaz matan yang sama seperti hadith 5663 dan 5666, tetapi tidak disebutkan lafaz Nabi SAW menanam bahan sihir tersebut (فَأَمَرَ بِهَا فَدُفِنَتْ). Demikian juga hadith yang sama sebelumnya, iaitu hadith 3268, pada bab (بَابُ هَلْ يُعْنَى عَنِ الذَّمِّ إِذَا سَحَرَ؟), tetapi disertai lafaz yang menyebutkan Nabi SAW menanam bahan sihir tersebut.¹⁰

Sementara itu, pada hadith 3175, Imam al-Bukhari hanya menyebutkan matan yang pendek bahawa Nabi SAW telah disihir sehingga menyebabkan keadaan baginda khayal iaitu baginda merasakan telah melakukan sesuatu, sedangkan tidak. Beliau telah meletakkan hadith ini pada bab (بَابُ هَلْ يُعْنَى عَنِ الذَّمِّ إِذَا سَحَرَ؟) dan Ibn Wahb berkata: “Aku telah dikhabarkan oleh Yunus daripada Ibn Shihab yang telah ditanya tentang penyihir di kalangan *Ahl al-'Ahd (Kafir Dhimmi)*, adakah dia dibunuh? Ibn Shihab berkata telah disampaikan kepada kami bahawa Rasulullah SAW, memang telah diperlakukan demikian (yakni disihir) oleh seorang *Kafir Dhimmi*. Namun, baginda tidak membunuhnya sedangkan dia dari kalangan Ahli Kitab.¹¹

9 Khadher Ahmad (2012), “Analisis Hadith-Hadith Rawatan Sihir Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia”, (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h.92.

10 *Ibid.*, h. 92-93.

11 *Ibid.*, h.92.

Pengulangan Hadith Nabi SAW Disihir oleh Labid bin al-A'sam:
 Imam al-Bukhari telah mengulangi hadith tentang Nabi SAW disihir oleh Labid bin al-A'sam sebanyak tujuh kali dalam lima tajuk utama (*Kitab*) dan dalam tujuh bab yang berlainan. Pengulangan hadith ini pada lima kitab (tajuk utama) tersebut adalah pada [Pertama] *Kitab al-Tibb*, pada tiga tajuk bab, iaitu (بابُ السَّحْرِ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى) hadith 5763, (بابُ: هَلْ يَسْتَخْرِجُ السَّحْرُ؟) hadith 5765 dan (بابُ السَّحْرِ), hadith 5766; [Kedua] *Kitab al-Adab* pada tajuk bab (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى) hadith 6063; [Ketiga] *Kitab al-Da'awat* pada tajuk bab (بابُ تَكَرُّيرِ بَابِ الدُّعَاءِ) hadith 6391; [Keempat] *Kitab al-Jizyah* pada tajuk bab (بابُ: هَلْ يُعْفَى عَنِ الدَّمِيِّ إِذَا سَحَرَ) hadith 3175; dan [Kelima] *Kitab Bad' al-Khalq* pada tajuk bab (بابُ صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجَنُودِهِ) hadith 3268. Kenyataan ini dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 1.0 di bawah:

Sahih al-Bukhari				
	Nama Kitab	Nama Bab	No. Hadith	Jumlah Hadith
1.	Kitab <i>al-Tibb</i>	بابُ السَّحْرِ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى.....	5763	3
		بابُ: هَلْ يَسْتَخْرِجُ السَّحْرُ؟	5765	
		بابُ السَّحْرِ	5766	
2.	Kitab <i>al-Adab</i>	بابُ قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى).....	6063	1
3.	Kitab <i>al-Da'awat</i>	بابُ تَكَرُّيرِ بَابِ الدُّعَاءِ	6391	1
4.	Kitab <i>al-Jizyah</i>	بابُ: هَلْ يُعْفَى عَنِ الدَّمِيِّ إِذَا سَحَرَ	3175	1
5.	Kitab <i>Bad' al-Khalq</i>	بابُ صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجَنُودِهِ	3268	1
Jumlah Pengulangan Hadith				7

Jadual 1.0: Taburan Hadith Mengenai Nabi SAW Disihir Oleh Labid bin al-A'sam Dalam *Sahih al-Bukhari*¹²

Didapati bahawa hadith ini diulang oleh Imam al-Bukhari dalam *Kitab al-Tibb* lebih banyak berbanding dengan kitab-kitab yang lain. Pengulangan itu bukan sahaja berlaku pada satu bab sahaja, tetapi dalam bab yang berbeza. Pada kitab dan bab yang lain, hadith ini hanya dicatatkan tanpa pengulangan, iaitu satu hadith pada satu tajuk kitab dan satu bab seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.0. Hal ini

¹² *Ibid.*, h.174.

menunjukkan bahawa wujudnya andaian bahawa hadith Nabi SAW disihir ini perlu diterangkan dengan lebih jelas kerana tajuk kitab yang diutarakan oleh al-Bukhari berkait rapat dengan pengobatan. Ini kerana sihir adalah suatu jenis penyakit yang tidak asing lagi dan berlaku dalam masyarakat sehingga ke hari ini.

Analisis *Tarjamah al-Bab* Hadith Nabi SAW Disihir Oleh Labid bin al-A'sam:

Analisis pandangan Imam al-Bukhari dapat dirujuk kepada tajuk-tajuk bab yang diletakkan oleh beliau dalam kitab sahihnya. Penelitian yang terperinci pada tajuk-tajuk bab (*tarajim al-abwab*) tersebut akan dapat menjelaskan tema dan fokus hadith yang diletakkan pada tajuk bab tersebut. Walaupun sesuatu hadith itu diulang banyak kali, tetapi secara tidak langsung akan dapat menjawab persoalan pengulangan hadith tersebut. Hal ini menampakkan keilmuan dan kefahaman Imam al-Bukhari terhadap sesuatu hadith yang diriwayatkan oleh beliau.

Penelitian *fiqh* Imam al-Bukhari terhadap hadith ini dan signifikan perletakan tajuk bab pada hadith tersebut akan diteliti oleh pengkaji satu persatu merujuk kepada nama bab yang telah diletakkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya.

Pertama: Hadith ini disebutkan dalam *Kitab al-Tibb*, (*بَابُ السَّحْرِ وَقَوْلُ اللَّهِ*) *تَعَالَى* (*وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السَّحْرَ وَمَا أُنزِلَ عَلَى الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ*). *وَقَوْلِهِ تَعَالَى* (*وَلَا يُفْلِحُ السَّاجِرُ حَيْثُ أَتَى*). *وَقَوْلِهِ* (*أَفْتَاتُونَ السَّحْرَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ*). *وَقَوْلِهِ* *يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى*). *وَقَوْلِهِ* (*وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ*) *وَالنَّفَّاثَاتُ السَّوَّاحِرُ* . (*تُسْحَرُونَ*) (*تُعَمَّرُونَ*), no.hadith 5763].13

Merujuk kepada bab yang pertama iaitu (*بَابُ السَّحْرِ وَقَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى...*), Imam al-Bukhari telah mengaitkan bab ini dengan beberapa ayat al-Quran yang berkaitan dengan sihir. Kaitan tersebut bertujuan untuk menegaskan bahawa sihir adalah sesuatu yang benar-benar boleh berlaku ke atas sesiapa sahaja dan sihir adalah sesuatu yang jelas daripada al-Quran serta mempunyai hakikatnya. Pada bab tersebut

13 al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.492

beliau mengaitkan dengan beberapa ayat al-Quran yang mempunyai signifikannya yang tersendiri iaitu;

1. Ayat 102 surah al-Baqarah (وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ...)
iaitu Allah SWT menyebutkan bahawa sihir merupakan suatu ilmu yang boleh dipelajari, jenis sihir yang boleh berlaku ke atas manusia dan kesannya, hakikat kejadian sihir yang tidak berlaku melainkan dengan izin Allah SWT, serta perlakuan sihir sebagai perlakuan kufur kepada Allah SWT.
2. Ayat 69 surah Taha (وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى) iaitu Allah menyebutkan tentang peristiwa Nabi Musa AS yang mengalahkan sihir yang dilakukan oleh tukang-tukang sihir Firaun.
3. Ayat 3 surah al-Anbiya' (أَفَأَتُونَنَا السِّحْرَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ) iaitu pertanyaan orang-orang kafir yang membuat tuduhan bahawa Nabi SAW sebagai tukang sihir yang melakukan sihir kepada mereka. Ibn Kathir menyatakan maksud ayat ini adalah, adakah kamu mahu mengikuti petunjuknya (yakni Nabi SAW) sedangkan dia juga membawa sihir dan dia sendiri mengetahui bahawa ia adalah sihir. Lalu ayat selepas itu, Allah SWT menjawab persoalan yang menyimpang tersebut dengan mengatakan bahawa: "Berkatalah Muhammad (kepada mereka): *"Tuhanku mengetahui semua perkataan di langit dan di bumi dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"*. (Ayat 4 surah al-Anbiya').¹⁴
4. Ayat 66 surah Taha (يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى) iaitu Allah SWT menjelaskan tentang kesan sihir kepada orang yang terkena sihir antaranya adalah menyebabkan orang tersebut khayal sehingga melihat sesuatu bukan pada hakikat sebenar benda tersebut. Dalam ayat ini, Allah SWT mengkhabarkan tentang peristiwa para ahli sihir Firaun yang telah berusaha untuk melawan Nabi Musa AS dengan sihir-sihir mereka. Salah satu jenis sihir yang dilakukan adalah dengan menyebabkan Nabi Musa dan manusia yang hadir pada ketika itu khayal, iaitu mata mereka khayal dengan tali-tali yang dilemparkan dengan rupa ular.

¹⁴ Al-Imam Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqi (1420H/1999M), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, ditahqiqkan oleh Sami bin Muhammad Sallamah, Beirut: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi', j.5, h.332.

5. Ayat 4 surah al-Falaq (وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ) adalah untuk menegaskan jenis-jenis sihir dan dikaitkan juga sihir tersebut pernah berlaku ke atas Nabi SAW. Bahkan, surah ini (iaitu al-Falaq dan termasuk surah al-Nas), sebab turunnya adalah untuk membantu membebaskan dan membatalkan sihir yang berlaku ke atas Nabi SAW tersebut.

Kaitan dan hubung kait dengan ayat al-Quran yang diletakkan pada tajuk bab jelas memperlihatkan idea dan pemikiran al-Bukhari untuk menjelaskan tentang sihir kepada umat Islam. Jadi, berhubung dengan sihir tersebut, pengkaji berpendapat bahawa al-Bukhari mahu menekankan bahawa sihir adalah sesuatu yang realiti dan boleh dikenakan ke atas manusia. Oleh sebab itu, beliau memulakan pada tajuk bab dengan menyenaraikan ayat-ayat yang saling berkaitan antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, pada bab ini Imam al-Bukhari berusaha menyatakan bahawa sihir dan hakikatnya adalah sesuatu yang jelas daripada petunjuk al-Quran. Ini bermakna sihir boleh berlaku dan memberi kesan kepada manusia. Buktinya adalah berdasarkan kepada situasi yang dikhabarkan daripada ayat-ayat al-Quran tersebut. Pada masa yang sama, jelas daripada ayat-ayat itu bahawa sihir adalah bukan perkara baru yang berlaku pada manusia, tetapi merupakan perkara lama yang berlaku sebelum zaman Nabi SAW lagi. Tidak mustahil untuk mengatakan bahawa sihir akan terus berlaku kepada manusia hatta Nabi SAW sendiri tidak terlepas daripada perkara tersebut. Dari itu, tidak perlu diragui lagi bahawa tidak mustahil untuk sihir tersebut berlaku ke atas Nabi SAW sebagaimana sihir itu berlaku ke atas orang lain, atas kapasiti Nabi SAW sebagai manusia yang tidak terlepas daripada terkena penyakit dan ditimpa kesakitan. 'Aishah RA ada menyebutkan bahawa Nabi SAW pernah menanggung kesakitan yang amat sangat yang menunjukkan bahawa Nabi SAW pernah sakit seperti manusia lain. 'Aishah RA berkata:

مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَشَدَّ عَلَيْهِ الْوَجَعُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: "*Tidaklah aku lihat seseorang yang bersangatan sakit melainkan Rasulullah SAW*".¹⁵

15 Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Marda, (بابُ شِدَّةِ الْمَرَضِ), no.hadith 5646]. Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (1422H), *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa*

Kedua: Dalam *Kitab al-Tibb*, (باب: هَلْ يَسْتَخْرِجُ السَّحْرَ؟)16. Pengulangan hadith pada bab ini didatangkan dalam bentuk *istifham* (pertanyaan). Pada bab ini, al-Bukhari membawa kenyataan Qatadah yang telah berkata kepada Sa'id bin al-Musayyab: (رَجُلٌ بِهِ طَبٌّ أَوْ يُؤْتَدُ عَنْ امْرَأَتِهِ أَيَحِلُّ عَنْهُ أَوْ) (يُنْتَشَرُ. قَالَ لَا بَأْسَ بِهِ ، إِنَّمَا يُرِيدُونَ بِهِ الْإِصْلَاحَ ، فَأَمَّا مَا يَنْفَعُ فَلَمْ يَنْفَعْ مِنْهُ)، Maksudnya: “Seorang lelaki telah disihir atau ditahan daripada bersama dengan isterinya, adakah aku boleh mengeluarkan atau menjampi dan membaca perlindungan (bagi mengubati sihir) padanya?” Jawab Sa'id: “Tidak mengapa berbuat demikian, sesungguhnya yang mereka kehendaki dengan perbuatan tersebut adalah kebaikan. Maka, selagi mana ia mendatangkan manfaat (kebaikan), maka sama sekali tidak ditegah yang demikian.”17

Walaupun demikian, terdapat sedikit perbezaan pada lafaz hadith ini berbanding dengan hadith 5763 sebelum ini, iaitu diriwayatkan dengan matan (سَجَرَ حَتَّى كَانَ يَرَى أَنَّهُ يَأْتِي النِّسَاءَ وَلَا يَأْتِيهِنَّ. قَالَ سُفْيَانُ) (وَهَذَا أَشَدُّ مَا يَكُونُ مِنَ السَّحْرِ إِذَا كَانَ كَذَا). Pada riwayat ini, seolah-olah ia mengukuhkan lagi riwayat sebelum ini yang hanya menyatakan bahawa Nabi SAW berada dalam keadaan khayal sehingga tidak dapat memastikan tindakan yang dilakukan. Pada riwayat ini, antara tindakan yang tidak pasti itu adalah sama ada baginda telah mendatangi isteri baginda ataupun tidak. Kemudian, tambahan daripada kenyataan Sufyan yang mengatakan bahawa jenis sihir yang berlaku ke atas Nabi SAW tersebut adalah daripada jenis sihir yang sangat kuat sehingga Nabi SAW berada dalam keadaan demikian. Pada hemat pengkaji, dalam riwayat ini jelas mengukuhkan lagi kenyataan daripada firman Allah SWT pada ayat 102 surah al-Baqarah, yang menyatakan bahawa antara jenis sihir yang dilakukan adalah untuk memisahkan hubungan suami isteri. Seolah-olah al-Quran menyebutkan bahawa sihir pemisah antara suami dan isteri adalah daripada jenis sihir yang kuat dan sering berlaku dalam kalangan manusia.

Sunaninih wa Ayyamih, ditahqiqkan oleh Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah, j.7, h.115.

16 al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.492.

17 *Ibid.*

Dalam hal yang lain, difahami juga daripada hadith bahawa apabila Nabi SAW mengetahui bahawa baginda telah disihir, baginda meminta para sahabat agar mencari dan mendapatkan bahan sihir tersebut. Setelah dijumpai bahan sihir itu tertanam dalam sebuah telaga, baginda meminta dikeluarkan bahan tersebut lalu dirungkai simpulan dan bahan sihir tersebut satu persatu. ‘Aishah mencadangkan agar bahan tersebut dibakar sahaja, namun, Nabi SAW mengambil pendekatan dengan menanam bahan tersebut ke dalam tanah dengan sebab Allah SWT telah menyembuhkan baginda dan baginda juga tidak mahu mengenakan kejahatan yang sama terhadap orang lain.¹⁸ Kenyataan ini dapat menjawab persoalan yang dibawa oleh Imam al-Bukhari pada bab hadith ini yang didatangi dalam bentuk pertanyaan (*istifham*).

Manakala pada kenyataan daripada Qatadah pula, perkara yang diberi penekanan adalah berhubung dengan pendekatan rawatan yang boleh digunakan untuk membatalkan sihir tersebut. Apa yang dicadangkan tersebut adalah menggunakan kaedah *al-Nushrah*. Dalam perbincangan yang dikemukakan, para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan tentang kaedah *al-Nushrah* tersebut. Ibn Hajar mentakrifkan *al-Nushrah* itu sebagai satu kaedah rawatan yang digunakan untuk merawat mangsa sihir atau pesakit yang terkena rasukan syaitan.¹⁹ Kesimpulan yang dikemukakan oleh Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* menyebutkan bahawa dapat dinyatakan bahawa terdapat dua jenis *al-Nushrah*, iaitu:

1. Kaedah *al-Nushrah* yang tidak dibenarkan (haram), iaitu merujuk kepada penggunaan ilmu sihir atau khidmat tukang sihir untuk membatalkan (merawat) sihir atau rasukan syaitan. Kaedah ini dirujuk kepada *al-Nushrah* sebagai amalan syaitan seperti disebutkan oleh Nabi SAW.²⁰
2. Kaedah *al-Nushrah* yang dibenarkan, iaitu merujuk kepada penggunaan *ruqyah al-shar‘iyyah* yang dibenarkan. Ibn Hajar

¹⁸ Khadher Ahmad (2012), *op.cit.*, h.95.

¹⁹ Ibn Hajar (2001M/1421H), *Fath al-Bari, op.cit.*, j.10, h.244.

²⁰ Maksudnya: “Diriwayatkan dari Jabir bin ‘Abd Allah RA katanya: “*Rasulullah SAW telah ditanya tentang al-Nushrah. Maka sabda Nabi SAW: “(al-Nushrah) adalah amalan syaitan.”* Hadith riwayat Abi Dawud: [Kitab al-Tibb, (باب في الشِّرْكَةِ), no.hadith 3868]. Lihat Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi selepas ini Abu Dawud (2000), *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, c.3, h.1507

memberi gambaran beberapa pendekatan *al-Nushrah* yang boleh dilakukan.

Ibn Hajar memetik pandangan ‘Abd al-Razzaq daripada pandangan al-Sha‘bi yang mengatakan bahawa tidak mengapa untuk menggunakan kaedah *al-Nushrah al-‘Arabiyyah* yang apabila dilakukan tidak mendatangkan kemudaratan. Antaranya seperti mengeluarkan sesuatu kesakitan yang dialami pada anggota badan, lalu disapu kanan dan kiri serta dengan kepintaran yang dimiliki dibacakan *ruqyah* dan kemudian dibasuhkan (atau disapu) pada tempat sakit tersebut. Manakala Ibn Battal menyebutkan pula, Wahb bin Munabbih menuliskan supaya mengambil tujuh helai daun bidara hijau, lalu dihancurkan menggunakan batu dan dicampur bersama air. Adunan itu dibacakan *ayat Kursi* dan empat *Qul* (empat surah bermula dengan *Qul*) lalu ditiupkan pada adunan (bahan rawatan) itu tiga kali serta digunakan untuk mandi, akan dapat membantu mengubati penyakit gangguan atau sihir. Rawatan ini baik digunakan terhadap suami yang disihir sehingga tidak dapat mendekati isterinya.²¹

Daripada perbincangan terhadap tajuk bab ini, jelas memperlihatkan perkaitan yang erat hadith yang diulang untuk memberi penekanan terhadap aspek rawatan terhadap penyakit sihir serta turut menyebutkan jenis sihir yang dihadapi oleh Rasulullah SAW.

Ketiga: Dalam *Kitab al-Tibb*, (بابُ السِّحْرِ).

Hadith yang sama juga diulang oleh Imam al-Bukhari dalam tajuk kitab yang sama tetapi pada bab yang berbeza iaitu (بابُ السِّحْرِ).²² Dalam tajuk bab ini, al-Bukhari tidak mengaitkannya dengan apa-apa kenyataan daripada ayat al-Quran atau selainnya. Hal ini tidak lain melainkan bertujuan sebagai penegasan beliau terhadap sihir yang berlaku ke atas Nabi SAW dan pendekatan rawatan yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Jika dibandingkan dengan bab yang pertama sebelum ini, ia lebih kepada penegasan Imam al-Bukhari untuk menegaskan bahawa sihir adalah sesuatu perkara yang jelas berlaku berdasarkan dalil al-

²¹ Ibn Hajar (2001M/1421H), *op.cit.*, j.10, h.244.

²² Hadith no.hadith 5766. Lihat al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.492

Quran dan hadith serta ia bukan merupakan isu baru, tetapi ia telah berlaku pada umat-umat terdahulu. Oleh sebab itu, dalam bab ini, apa yang lebih diberi penekanan adalah terhadap kandungan hadith yang menceritakan peristiwa Nabi SAW disihir, jenis sihir yang berlaku ke atas baginda dan pendekatan rawatan yang dilakukan oleh Nabi SAW untuk menangani masalah tersebut.

Apabila mengetahui baginda telah terkena sihir, pada awal hadith, digambarkan keadaan Nabi SAW dalam keadaan khayal disebabkan oleh kesan sihir. Lalu baginda terus berdoa beberapa kali memohon petunjuk Allah SWT. Kemudian, diceritakan bahawa Allah mengutuskan dua malaikat membantu merungkaikan permasalahan yang sedang dilalui oleh Nabi SAW. Namun, tindakan yang diambil oleh Nabi SAW, berdasarkan kepada petunjuk Allah SWT, telah berjaya merungkaikan dan membatalkan kesan sihir tersebut. Langkah-langkah yang dilakukan oleh Nabi SAW dalam menghadapi situasi baginda disihir dapat dijadikan panduan khusus dalam pengubatan masalah sihir.

Keempat: Dalam *Kitab al-Adab*, (*باب قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ) وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ*). (٥٦) وَقَوْلِهِ (إِنَّمَا بَغْيُكُمْ (.عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ) (ثُمَّ بُغِيَ عَلَيْهِ لِيَنْصُرْتَهُ اللَّهُ) وَتَرْكِ إِتَارَةِ الشَّرِّ عَلَىٰ مُسْلِمٍ أَوْ كَافِرٍ 6063] dengan tidak dinyatakan bahawa Nabi menyuruh ditanam bahan sihir.²³

Pengulangan hadith yang sama pada bab ini mempunyai signifikansi yang tersendiri pada pandangan pengkaji. Perkara ini ditunjukkan melalui keterangan pada tajuk bab yang disertakan dengan tiga ayat al-Quran iaitu ayat 90 surah al-Nahl, ayat 23 surah Yunus dan ayat 60 surah al-Hajj. Selepas tiga ayat ini al-Bukhari menyebutkan “*meninggalkan melakukan kejahatan ke atas Muslim atau kafir.*”

Persamaan pada ketiga-tiga ayat tersebut adalah pada kalimah “*al-Baghy*”. Dalam ayat tersebut, Allah SWT melarang daripada melakukan permusuhan, kezaliman dan penganiayaan terhadap orang lain sesama Muslim ataupun tidak. Hal ini kerana perkara tersebut akan kembali kepada dirinya sendiri. Sekiranya tidak membalas kezaliman dan penganiayaan yang dihadapi itu, pasti Allah SWT akan

23 al-Bukhari (2000), *ibid.*, h.512.

menggantikan dengan memberikan pertolongan daripadanya. Oleh sebab itu, ketiga-tiga ayat ini mempunyai kaitan dengan hadith dan dengan kenyataan Imam al-Bukhari selepas itu.

Ibn Hajar memetik pandangan Ibn Battal yang mengatakan bahawa dikumpulkan ketiga-tiga ayat ini pada *tarjamah al-bab* hadith tersebut kerana Allah SWT ketika melarang hambaNya daripada melakukan *al-baghy* (penganiayaan), kerana Allah mengetahui kemudaratan sifat tersebut dan kesannya akan kembali kepada pelakunya. Kemudian, dirangkumkan pula dengan keterangan bahawa orang yang teraniaya juga mempunyai hak tertentu, iaitu sekiranya bersyukur kepada Allah dan memaafkan perbuatan si polan tersebut, pasti akan mendapat pertolongan daripadanya. Lalu diumpamakan Nabi SAW sebagai “*role model*” dalam hal ini, di mana baginda tidak menghukum atau membalas kembali perbuatan orang yang menyihirnya sekalipun baginda mampu untuk melakukannya.²⁴

Tambah Ibn Hajar lagi, diandaikan bahawa kaitan ayat dengan hadith tersebut adalah untuk menyatakan bahawa Nabi SAW tidak mengeluarkan bahan sihir yang digunakan untuk menyihir baginda kerana khuatir ia memberi kesan buruk kepada manusia. Lalu baginda mengambil tindakan yang adil dengan berbuat demikian. Manakala tindakan ehsan dengan tidak membalas perbuatan tersebut.²⁵

Apa yang dinyatakan oleh Ibn Hajar itu, bertepatan dengan tindakan Imam al-Bukhari yang turut meletakkan hadith ini dalam tajuk utama (*kitab*) yang berkaitan dengan *al-Adab* (Adab). Jadi, pada bab ini, Imam al-Bukhari berusaha untuk menonjolkan akhlak dan keperibadian tinggi yang dimiliki oleh Nabi SAW. Baginda mengambil tindakan bijak memandang ke hadapan dengan berusaha untuk mengelak sihir yang pernah dialami oleh baginda diketahui oleh orang lain sehingga digunakan pula untuk menyakiti orang lain atau membalas perbuatan tersebut. Demikian juga, sekalipun baginda disakiti dan mampu untuk membalas perbuatan tersebut, baginda lebih memilih untuk bersifat ehsan kepada orang lain sekalipun kepada orang kafir.

24 Ibn Hajar, (2001M/1421H), *op.cit.*, j.10, h.495.

25 Ibn Hajar, (2001M/1421H), *ibid.*, j.10, h.495.

Kelima: Dalam *Kitab al-Da'awat*, (تَكَرِيرِ بَابِ الدُّعَاءِ), no.hadith 6391].²⁶ Daripada riwayat al-Bukhari dengan lafaz: (حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ وَهُوَ) ²⁷(عِنْدِي لِكَيْتَهُ دَعَا وَدَعَا لَفَاز: (حَتَّى إِذَا كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ أَوْ ذَاتَ لَيْلَةٍ دَعَا رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- ثُمَّ دَعَا ثُمَّ دَعَا).²⁸ Daripada kedua-dua riwayat memperlihatkan bahawa Nabi SAW mengulangi doa beberapa kali. Imam al-Nawawi dalam *al-Minhaj* berkata bahawa hadith di atas adalah dalil yang jelas menunjukkan keharusan untuk berdoa ketika menghadapi perkara-perkara yang tidak baik (atau menghadapi sebarang kepayahan), dan mengulangi doa tersebut berserta dengan pengharapan yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT.²⁹ Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* juga memetik pendapat yang dikemukakan oleh Imam al-Nawawi seperti di atas. Namun, pada ungkapan (دَعَا رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- ثُمَّ دَعَا ثُمَّ دَعَا), beliau menyatakan bahawa yang dimaksudkan itu adalah perlu untuk mengulangi doa itu sebanyak tiga kali. Kata beliau lagi, peristiwa ini menunjukkan bahawa perkara utama yang dilakukan oleh Nabi SAW adalah menyerahkan urusan ini sepenuhnya kepada Allah SWT kerana baginda tahu bahawa dengan bersabar dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah, nescaya pasti mendapat ganjaran pahala dari Allah. Disebabkan baginda khawatir orang yang melakukan sihir itu terus menerus melakukan sihir ke atas baginda, sehingga boleh mengganggu pelaksanaan ibadat dan memberi kesan terhadap risalah yang dibawa oleh baginda, maka baginda memohon kesembuhan daripada Allah SWT.³⁰

Badr al-Din al-'Aini pula mengatakan bahawa maksud tajuk bab ini adalah seseorang itu perlu berdoa berulang kali kerana pengulangan doa beberapa kali itu menunjukkan kedudukan orang

26 al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.537

27 Maksudnya: "Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa." Lihat al-Bukhari (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, *op.cit.*, c.3, h.492

28 Maksudnya: "Sehingga pada suatu hari atau pada suatu malam Rasulullah SAW berdoa dan terus berdoa." Lihat Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (2000), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', c.3, h.1066-1067.

29 Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy al-Nawawi, (1392H), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.14, h.176.

30 Ibn Hajar (1421H/2001M), *op.cit.*, j.10, h.228, dan Khadher Ahmad (2012), *op.cit.*, h.97.

yang fakir dan sangat memerlukan kepada (pertolongan) Allah SWT di samping rasa hina dan tunduk kepadaNya. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan perlakuan Nabi SAW yang berdoa dengan mengulanginya sebanyak tiga kali dan beristighfar tiga kali.³¹ Itu menunjukkan berlakunya pengulangan dalam proses berdoa.

Jadi, dapat difahami bahawa Imam al-Bukhari mengulangi hadith ini pada bab ini bertujuan untuk menjelaskan tentang kepentingan berdoa ketika menghadapi sesuatu penyakit atau musibah, mengulangi doa beberapa kali, dan pengulangan doa tersebut menandakan bahawa tidak boleh berputus asa untuk memohon kesembuhan atau petunjuk daripada Allah, serta segera kembali kepada Allah apabila menghadapi penyakit atau musibah tersebut.

Keenam: Dalam *Kitab al-Jizyah*, (باب: هَلْ يُعْفَى عَنِ الدَّمِيِّ إِذَا سَحَرَ), no.hadith 3175] dengan matan yang pendek (سُحِّرَ حَتَّى كَانَ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ صَنَعَ شَيْئًا وَلَمْ (يَصْنَعُهُ).³²

Imam al-Bukhari pada kitab dan bab ini hanya mendatangkan matan yang pendek yang menyebutkan bahawa Nabi SAW telah disihir sehingga menyebabkan keadaan baginda khayal iaitu keadaan baginda merasakan telah melakukan sesuatu perkara sedangkan tidak. Imam al-Bukhari telah meletakkan hadith ini pada bab (باب هَلْ يُعْفَى عَنِ الدَّمِيِّ إِذَا سَحَرَ؟) dan diikuti dengan kenyataan daripada Ibn Wahb yang berkata: “*Aku telah dikhabarkan oleh Yunus daripada Ibn Shihab yang telah ditanya tentang penyihir di kalangan Ahl al-‘Ahd (Kafir Dhimmi), adakah dia dibunuh?*” *Ibn Shihab berkata telah disampaikan kepada kami bahawa Rasulullah SAW, memang telah diperlakukan demikian (yakni disihir) oleh seorang Kafir Dhimmi. Akan tetapi baginda tidak membunuh individu tersebut sedangkan individu itu dari kalangan Ahli Kitab.*³³

Badr al-Din al-‘Aini dalam *‘Umdah al-Qari* yang memetik pandangan al-Karmani menyatakan bahawa tiada perbezaan pada

31 Al-Imam al-‘Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al-‘Aini (1421H/2001M), *‘Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah., j.23, h.24.

32 al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h. 257.

33 Khadher (2012), *op.cit.*, h.94.

maksud *al-Dhimmi*, *Ahl al-‘Ahd* dan *Ahl al-Kitab*. Ketiga-tiga istilah ini merujuk kepada mereka yang menandatangani perjanjian dengan kerajaan Islam (Nabi SAW). Jika tiada ikatan perjanjian, maka dianggap sebagai *Harbi* yang wajib diperangi.³⁴

Ibn Hajar memetik pandangan Ibn Battal yang mengatakan bahawa tidak dibunuh tukang sihir dari kalangan *ahl al-‘ahd* (yang ikat janji dengan Rasulullah SAW), tetapi mereka dikenakan hukuman tertentu melainkan jika dengan sihir itu telah membunuh satu jiwa, maka orang yang menyihir tersebut turut dibunuh berdasarkan pandangan jumbuh ulama. Imam Malik berkata bahawa jika dengan sihir tersebut mendatangkan kemudaratan terhadap orang Islam, maka diputuskan ikatan perjanjian tersebut. Tambah beliau lagi, dibunuh tukang sihir dan tidak diminta supaya mereka bertaubat yang sejajar dengan pandangan Ahmad dan *al-Jama‘ah*.³⁵

Imam al-‘Aini mengatakan juga bahawa Ibn Shihab tidak berhujah bahawa Nabi SAW tidak membunuh Yahudi yang menyihir baginda di atas beberapa andaian. **Pertama:** Nabi SAW mengetahui selok belok Yahudi tersebut, jadi sama ada untuk menghukum atau tidak bergantung kepada tindakan Nabi SAW sendiri. **Kedua:** Sihir yang dikenakan ke atas baginda tidak memudaratkan baginda kerana tidak mengubah sesuatu pun daripada wahyu Allah dan tidak dimasukkan sesuatu pun tambahan pada syariat. Apa yang dikenakan ke atas baginda sesuatu dalam bentuk khayalan dan *waham* sahaja. Bahkan, Allah SWT tidak membiarkan Nabi SAW disihir sehingga mendatangkan banyak kemudaratan kepada baginda melainkan baginda tetap dipelihara oleh Allah. **Ketiga:** Sihir yang berlaku itu hanya memberi kesan zahir sahaja bukan memberi kesan terhadap hati, akal dan i‘tiqad Nabi SAW. Bahkan sihir itu merupakan satu jenis penyakit daripada pelbagai penyakit yang biasa dihadapi oleh manusia.³⁶

Jika dilihat kepada signifikan perletakan bab ini, sebenarnya Imam al-Bukhari mahu memberi fokus pemahaman berhubung dengan sihir yang dilakukan oleh orang kafir *Dhimmi*. Oleh sebab itu, beliau membawa kenyataan daripada Ibn Wahb bagi menjelaskan lagi persoalan tentang hukuman yang patut dikenakan terhadap golongan

34 Al-‘Aini (2001), *‘Umdah al-Qari*, *op.cit.*, j.15, h.134.

35 Ibn Hajar, (2001M/1421H), *op.cit.*, j.6, h.319.

36 Al-‘Aini (2001), *‘Umdah al-Qari*, *op.cit.*, j.15, h.134

tersebut yang menyakiti orang Islam. Tindakan Nabi SAW, sekalipun baginda disihir dan tahu siapa penyihirnya, baginda lebih suka mengambil pendekatan memaafkan perbuatan tersebut.

Ketujuh: Dalam *Kitab Bad' al-Khalq*, (باب صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجُنُودِهِ), no.hadith 3268] dengan tambahan (ثُمَّ دُفِنَتْ الْبُغْرُ) iaitu kemudian telaga itu ditimbus.³⁷

Dalam bab ini, Imam al-Bukhari telah meletakkan 27 hadith yang didahului dengan hadith yang menyebutkan Nabi SAW disihir. Menurut Ibn Hajar, apa yang dikehendaki oleh Imam al-Bukhari pada hadith ini adalah untuk menyatakan bahawa sihir itu sempurna atau berlaku dengan jayanya melalui bantuan dan pertolongan syaitan.³⁸

Apa yang diutarakan oleh Imam al-Bukhari ada kebenarannya, apabila ramai dari kalangan ulama yang jelas mengaitkan kejadian sihir dengan melibatkan pertolongan dan bantuan daripada syaitan. Antaranya Imam al-Baydawi dalam tafsirnya mengatakan bahawa makna sihir adalah sesuatu yang dihasilkan dengan cara mendekati syaitan.³⁹ Kemudian, apabila dirujuk kepada pandangan Fakhr al-Razi dan Ibn al-Qudamah, Wahid 'Abd al-Salam Bali menyatakan bahawa takrifan sihir bermaksud suatu persepakatan antara tukang sihir dan syaitan. Tukang sihir perlu melakukan sebahagian daripada perkara-perkara yang diharamkan (*ba'd al-Muharramat*) atau perkara-perkara syirik (iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu) bagi mendapatkan pertolongan syaitan. Syaitan akan mentaati apa yang diminta atau disuruh oleh tukang sihir selagi tukang sihir itu berterusan melakukan perkara yang diharamkan tersebut.⁴⁰

Selain itu, terdapat signifikan pada bab ini apabila Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini bersama-sama hadith yang menyebutkan tentang usaha syaitan untuk mengganggu manusia. Contohnya, apabila seseorang itu tidur syaitan akan mengikat lehernya dengan tiga ikatan. Ikatan tersebut akan terlerai apabila seseorang itu

37 al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.264.

38 Ibn Hajar, (2001M/1421H), *op.cit.*, j.6, h.392.

39 Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al-Baydawi (1968), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, j.1, h.73.

40 Wahid 'Abd al-Salam Bali (2007), *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-Sihr al-Ashrar*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid, c.1, h.8.

melakukan tiga perkara iaitu apabila bangun segera menyebut nama Allah, berwuduk dan mengerjakan solat. Jika tidak dilakukan perkara tersebut, akan menyebabkan rasa malas.⁴¹ Demikian juga, Nabi SAW menyuruh si suami memohon perlindungan daripada syaitan ketika mendatangi isteri yang menunjukkan bahawa syaitan boleh memberi kemudahan kepada manusia.⁴²

Dalam hadith ini juga, turut menyebutkan bahawa Nabi SAW telah memerintah para Sahabat untuk menimbuskan telaga yang digunakan untuk menempatkan barang sihir yang digunakan untuk menyihir baginda. Hal ini kerana air telaga tersebut telah bertukar kemerahan seperti air inai.

Oleh yang demikian, pada bab ini Imam al-Bukhari berusaha untuk menyebutkan tentang sihir yang memerlukan pertolongan syaitan untuk menjayakannya. Tambahan lagi, beliau turut berusaha untuk menyatakan bahawa syaitan sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia dalam apa jua keadaan seperti ketika tidur, makan, minum, bersama isteri, dan lain-lain termasuk dalam usaha untuk menjayakan sihir.

HASIL ANALISIS:

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa melalui hadith yang menyebutkan peristiwa Nabi SAW disihir oleh Labid bin al-A'sam, terdapat beberapa perkara yang diberi penekanan oleh Imam al-Bukhari iaitu:

Pertama: Menjelaskan tentang sihir dari sudut pandangan al-Quran dan hadith yang merupakan sumber yang paling berautoriti dalam Islam. Oleh sebab itu, dalam menyebutkan sihir daripada perspektif hadith, Imam al-Bukhari berusaha mengaitkannya dengan kenyataan dan dalil daripada al-Quran. Al-Quran telah menjelaskan bagaimana hakikat sihir, kisah sihir, jenis-jenis sihir dan kesan sihir ke atas seseorang yang terkena sihir. Hal ini menunjukkan bahawa Imam al-Bukhari tidak hanya bergantung pemahamannya terhadap hadith

41 Hadith riwayat al-Bukhari [*Kitab Bad' al-Khalq*, (باب صِفَةِ إِبْلِيسَ وَجَنُودِهِ), no. hadith 3269]. al-Bukhari (2000), *op.cit.*, h.264.

42 Rujuk hadith Hadith riwayat al-Bukhari [*Kitab Bad' al-Khalq*, (باب صِفَةِ إِبْلِيسَ (وَجَنُودِهِ), no. hadith 3270]. al-Bukhari (2000), *ibid.*, h.264

semata-mata, tetapi mengambil pemahaman melalui ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang sihir.

Kedua: Menerangkan dengan jelas bahawa sihir boleh berlaku ke atas Nabi SAW dan menceritakan bagaimana sihir yang telah dilakukan oleh Labid bin al-A'sam kepada Nabi SAW serta kesannya. Dalam hal ini, menampakkan bahawa Nabi SAW adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada terkena penyakit.

Ketiga: Menjelaskan tentang sihir yang berlaku ke atas Nabi SAW dan menyebutkan tentang pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk menghadapi dan merawat sihir tersebut. Berhubung dengan pendekatan dan cara rawatan Rasulullah SAW terhadap sihir tersebut, terdapat beberapa kaedah yang dilakukan oleh baginda, iaitu; [1] Sentiasa memanjatkan doa kepada Allah SWT memohon kesembuhan; [2] Mengenal pasti tempat bahan sihir itu diletakkan atau disembunyikan; [3] Mengeluarkan bahan sihir dan membatalkan sihir; [4] Menanam bahan sihir dan mengelakkan daripada membakarnya; dan [5] Memaafkan perbuatan tukang sihir tersebut dan menyerahkan urusan pembalansannya kepada Allah SWT.

Keempat: Menyebutkan tentang akhlak Nabi SAW ketika menghadapi sesuatu musibah. Sekalipun baginda SAW mengetahui bahawa baginda disihir oleh Labid bin al-A'sam, baginda tidak mengambil tindakan balas dengan menghukumnya atau membalas perbuatan tersebut. Namun, baginda telah melakukan tindakan paling bijak iaitu dengan berusaha melakukan pencegahan dengan menimbus telaga yang digunakan untuk meletakkan barang sihir yang digunakan untuk menyihir baginda agar tidak disebarkan kepada orang lain atau digunakan untuk membuat tindak balas. Kemudian, baginda mengambil pendekatan memaafkan perbuatan tersebut setelah baginda disembuhkan oleh Allah SWT.

Kelima: Menjelaskan tentang peranan doa dalam menghadapi sesuatu musibah atau penyakit. Dalam hal ini, Imam al-Bukhari dengan jelas mahu menyatakan bahawa selepas terkena sesuatu musibah atau penyakit, perkara utama yang perlu dilakukan adalah berdoa kepada Allah memohon petunjuk dan kesembuhan. Tambahan lagi, tidak boleh berputus asa untuk berdoa dan sewajarnya diulang doa itu beberapa kali disertakan juga dengan usaha berikhtiar untuk mencari rawatannya.

Keenam: Menyebutkan tentang hukuman terhadap pelaku sihir. Dalam hal ini, Imam al-Bukhari berusaha untuk menjelaskan tentang hukum terhadap tukang sihir dalam kalangan *kafir al-Dhimmi* sama ada dihukum bunuh atau tidak. Sepakat ulama bersetuju bahawa dijatuhkan hukuman bunuh balas sekiranya sihir yang dilakukan tersebut menyebabkan orang yang disihir itu mati. Dalam hal ini, perlu dikenal pasti dengan jelas tukang sihir yang melakukan sihir tersebut. Hukuman tidak boleh dilaksanakan sekiranya atas andaian sahaja sihir itu dilakukan oleh seseorang tukang sihir tanpa ada bukti yang mengesahkannya.

Ketujuh: Menyatakan bahawa pada kebiasaannya sihir berlaku melalui pertolongan makhluk halus dari kalangan jin dan syaitan. Perkara ini sangat bertepatan dengan ayat 102 surah al-Baqarah yang menyebutkan tentang peranan syaitan dalam menjayakan sihir. Antara matlamat sihir tersebut adalah untuk memisahkan hubungan antara suami dan isteri.

KESIMPULAN:

Merujuk kepada keseluruhan perbincangan di atas, jelas menampakkan kefahaman yang dimiliki oleh Imam al-Bukhari dalam meletakkan tajuk bab dan tajuk kitab terhadap hadith yang menyebutkan tentang Nabi SAW disihir. Hadith yang panjang ini, telah diulang sebanyak tujuh kali dalam lima tajuk utama (Kitab) dan dalam tujuh bab yang berlainan. Setiap daripada pengulangan tersebut menjelaskan beberapa perkara yang saling berkaitan dalam isu berhubung dengan sihir. Bermula dengan meletakkan asas pemahaman terhadap sihir yang bukan sahaja berdasarkan dalil hadith sahaja, tetapi telah sabit dalil daripada al-Quran. Ini bermakna, sihir bukan merupakan permasalahan baru, tetapi ia telah berlaku kepada umat sebelum Nabi SAW lagi. Kemudian, hadith ini turut difokuskan terhadap pendekatan rawatan Nabi SAW terhadap sihir, perbincangan terhadap peranan doa dalam menghadapi musibah tersebut, hukum terhadap pelaku sihir dan turut mengaitkan dengan peranan syaitan dalam menjayakan sihir tersebut.

Keseluruhan perbincangan yang dikemukakan Imam al-Bukhari melalui *tarjamah al-bab* tersebut dapat dikumpulkan bersama bagi memahami dengan jelas tentang isu sihir dan pendekatan dalam rawatannya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat signifikan yang jelas dan perkaitan yang rapat antara setiap kitab dan bab yang

mewakili hadith tersebut. Bahkan melalui kitab dan bab tersebut membantu pemahaman terhadap sesuatu hadith yang diulang itu.

BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN:

- 1) 'Aini, Al-Imam al-'Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al-'Aini (1421H/2001M), *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 2) Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'at al-Sajastani al-Azdi selepas ini Abu Dawud (2000), *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 3) Bali, Wahid 'Abd al-Salam Bali (2007), *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-Sihr al-Ashrar*, al-Mansurah, Misr: Dar al-Ghad al-Jadid.
- 4) Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd Allah bin 'Umar bin Muhammad al-Shirazi al- (1968), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- 5) Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (2000), *Sahih al-Bukhari* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 6) Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (1422H), *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunaninih wa Ayyamih*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir, Mansurah, Mesir: Dar Tuq al-Najah.
- 7) Ibn Hajar, Abu Fadl Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (2001M/1421H), *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad Isma'il al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Qadir Saybah al-Hamad, al-Riyad: Sahib al-Sammiw al-Maliki al-Amir Sultan bin 'Abd al-'Aziz Ali Sa'ud.
- 8) Ibn Kathir, Al-Imam Abi al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqi (1420H/1999M), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, ditahqiqkan oleh Sami bin Muhammad Sallamah, Beirut: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 9) Khadher Ahmad dan Ishak Hj. Suliaman, (2011), "Realiti Dan Cabaran Dalam Rawatan Islam: Analisis Hadith-Hadith Tentang Pendekatan Dan Kaedah Rawatan Nabi Saw Merawat Penyakit Sihir" dlm Fauzi Deraman et.al, *Sunnah Nabawi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- 10) Khadher Ahmad (2012), "Analisis Hadith-Hadith Rawatan Sihir Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 11) Mohd Asmawi bin Muhamad (2010), "*Tarajim al-Abwab* di Dalam *Sahih al-Bukhari*: Kajian Terhadap Manuskrip *Sharh Tarjamah al-Bab* oleh Mawlana Tok Khurasan", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- 12) Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1989, *Usul al-Hadith 'Ulumuh wa Mushtalahuh*, Beirut: Dar al-Fikr.

- 13) Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (2000), *Sahih Muslim* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 14) Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharif bin Muriy al-Nawawi, (1392H), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- 15) San'ani, Muhammad bin Isma'il al-Amir al- (1945), *Tawdih al-Afkar li Ma'ani Tanqih al-Anzar*, tahqiq oleh Muhammad Mahy al-Din 'Abd al-Hamid, c.1, Maktabah al-Khaniji.